

13/05/1999

Cepatkan bayaran kepada kontraktor

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini meminta Perbendaharaan mempercepatkan proses pembayaran kepada kontraktor yang terbabit dalam pelbagai projek pembangunan.

Pada masa sama, Perdana Menteri berharap semua kementerian tidak mempunyai sebarang masalah dalam hal membelanjakan peruntukan pembangunan mereka.

Menurutnya, langkah itu akan mempercepatkan pelaksanaan pelbagai projek pembangunan, selaras hasrat kerajaan memajukan sektor berasaskan teknologi.

"Ketika ini, kebanyakan kementerian tidak membelanjakan peruntukan yang diberikan kerajaan kerana pelbagai halangan dan prosedur.

"Oleh itu, saya berharap menjelang akhir tahun ini, RM1 bilion dapat dibelanjakan. Jumlah itu hanya mewakili sebahagian kecil daripada peruntukan keseluruhan kerajaan untuk pembangunan," katanya.

Dr Mahathir berucap sebelum menyaksikan majlis menandatangani perjanjian kontrak persekitaran am untuk Jabatan Perdana Menteri di bawah aplikasi perdana Kerajaan Elektronik, antara Kerajaan Malaysia dan Konsortium Sapura, di sini hari ini.

Minggu lalu, Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, mendedahkan ada enam agensi kerajaan dikesan belum membelanjakan satu sen pun peruntukan pembangunan bagi suku pertama tahun ini.

Sementara itu, perjanjian bernilai RM35 juta yang ditandatangani hari ini adalah kontrak ketiga ditawarkan kerajaan kepada konsortium yang berjaya, di bawah aplikasi perdana Kerajaan Elektronik.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali dan Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Aziz Ismail, mewakili kerajaan manakala Presiden yang juga Ketua Eksekutif Sapura, Datuk Shahril Shamsuddin, mewakili konsortium itu.

Konsortium Sapura terdiri daripada Hewlett-Packard Sales (M) Sdn Bhd, Microsoft Knowledge Capital Centre Sdn Bhd dan EDS MSC Sdn Bhd.

Menerusi perjanjian itu, Konsortium Sapura bertanggungjawab melaksanakan tiga modul projek perintis aplikasi perdana membabitkan penyediaan aplikasi bagi pengurusan sistem maklumat, komunikasi dan sistem pengurusan bersepadu.

(END)